

**KEFUNGSIAN KELUARGA DAN PENGHEROTAN KOGNITIF DALAM
KALANGAN BELIA DI INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN)
MALAYSIA (FAMILY FUNCTIONING AND COGNITIVE DISTORTION AMONG
YOUTHS IN NATIONAL YOUTH SKILLS INSTITUTE)**

Siti Hajar Mohamad Yusoff
Yahya Don

Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

In consistency with the aspiration of Ministry of Youth and Sports in developing youths who are united among each other, disciplined, and have high morals, some efforts have been taken by the National Youth Skills Institute (IKBN) to help in producing youths who have good morals and vision. This study focuses on psychological factors and mental health in order to establish a productive youth. Therefore, this research aims to determine the level of family functioning and cognitive distortion among IKBN students in Malaysia. A total of 1,200 students took part in this study. The instruments used were Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III (FACES III) to measure family functioning, and Cognitive Distortion Scale (CDS) to measure cognitive distortion. Results indicate that students' family functioning is at a moderate level, whilst students' cognitive distortion is at a low level. The results also indicate that family functioning can prevent the problem of cognitive distortion among youths. The implications of this study can be contributed to the youth development by IKBN and the Ministry of Youth and Sports in Malaysia.

Keywords: *family functioning, cognitive distortion, youths*

PENGENALAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menekankan bahawa tenaga dan kemahiran golongan belia yang produktif, progresif, dan dinamik amat diperlukan untuk membangunkan negara. Selaras dengan itu, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) sentiasa berusaha melahirkan belia yang mahir, berakhlak, dan berwawasan. Namun, dewasa ini, isu golongan belia menjadi tidak produktif seperti melepak, mencuri, menagih dadah, dan terlibat dengan pelbagai gejala sosial sering diperkatakan (Badrulzaman & Azizi, 2006; Zainah et al., 2013). Semua ini dipanggil sebagai tingkah laku devian yang mana dianggap menyimpang dan tidak dapat diterima oleh masyarakat dari sekecil-kecil perkara seperti ponteng sekolah dan melawan guru, sehingga kepada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas, pelacuran, penyalahgunaan dadah, dan menyerang fizikal yang mana kesemuanya merupakan krisis

akhlak yang dipandang serius, dan kebanyakannya melibatkan golongan belia (Azizah et al., 2015; Fauziah et al., 2012; Zainah et al., 2013), yang mana situasi ini akan merencatkan visi dan misi negara.

Menurut Barnett (2004), belia lazimnya berkelakuan sedemikian apabila menghadapi tekanan, dan apa yang diperlukan oleh mereka ialah interaksi yang baik dalam keluarga. Hal ini kerana, interaksi yang baik antara ahli keluarga mampu memberi sokongan emosi kepada belia dan seterusnya akan menghindarkan mereka dari melakukan perbuatan negatif akibat dari pengherotan kognitif yang dialami (Barnett, 2004; Samsiah et al., 2015). Dari sini, keluarga dilihat berfungsi sebagai kelompok sosial yang merupakan faktor utama kepada perkembangan belia, dan kefungsiannya keluarga yang baik adalah penentu kepada pembangunan belia (Amoateng & Richter, 2007; Brian Abraham Rogi, 2015).

PENYATAAN MASALAH

Isu salah laku yang melibatkan golongan belia pastinya tidak dapat lari dari tekanan serta pengherotan kognitif yang dialami oleh mereka (Fauziah et al., 2012; Zainah et al., 2013). Keadaan ini bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada diri belia terbabit, malah ia turut memberi impak negatif kepada pembangunan masyarakat dan negara. Hal ini kerana hasrat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan negara amat bergantung kepada golongan belia. Oleh itu, peningkatan kognitif dan tingkah laku yang positif adalah antara indikator utama dalam pembangunan belia. (Badrulzaman & Azizi, 2006; Fauziah, et al., 2012; Regoli & Hewitt, 1991).

Kerapkali juga isu permasalahan belia terpampang di dada akhbar dan media-media elektronik sama ada di negara luar mahupun di negara kita ini (Fauziah et al., 2012; Regoli dan Hewitt, 1991). Apa yang dibimbangkan ialah apabila masalah yang dialami oleh belia telah mengheret mereka ke dalam satu keadaan diri yang tertekan yang mana mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir secara positif dan mengalami pengherotan kognitif sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah et al., 2012). Ini seringkali dialami oleh golongan belia apabila sistem kognitif mereka itu dikaitkan dengan unsur-unsur negatif yang wujud di sekitar mereka, yang mana situasi ini perlu dihadapi oleh mereka bagi meneruskan kehidupan yang pastinya melibatkan kelompok sosial tertentu (Leahy, 1996). Namun sehingga kini, punca-punca berlakunya gejala ini masih menjadi pertanyaan banyak pihak (Salami, 2010; Zainah et al., 2013). Antara persoalan yang timbul adalah berkaitan bentuk kefungsiian keluarga dalam kalangan belia yang berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran masa kini, khususnya dari aspek pengherotan kognitif yang wujud dalam diri mereka.

Pada masa yang sama, keluarga dilihat berfungsi sebagai kelompok sosial yang merupakan faktor utama kepada perkembangan belia, dan institusi keluarga yang dapat berfungsi dengan baik adalah penentu kepada pembangunan belia

(Amoateng dan Richter, 2007). Hal ini kerana, kefungsiian keluarga dilihat mempunyai pengaruh yang tersendiri ke atas pembentukan kognitif dan tingkah laku seseorang belia, khususnya yang berusia dalam lingkungan 17 hingga 30 tahun. Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti sejauh mana kefungsiian keluarga mampu mempengaruhi pengherotan kognitif dalam kalangan belia di Malaysia yang merupakan pelapis kepimpinan negara di masa hadapan.

Antara faktor psikologi yang dilihat mampu memberi pengaruh besar kepada masalah sosial dan salah laku dalam kalangan belia pada masa kini ialah dari sudut emosi dan kognitif. Menurut Badrulzaman dan Azizi (2006) emosi negatif yang terhasil dari sistem kekeluargaan yang tidak dapat berfungsi dengan baik sehingga menyebabkan tekanan serta wujud hubungan yang longgar antara ahli dalam sesebuah keluarga. Golongan belia juga biasanya amat sukar mengakui bahawa mereka mempunyai masalah, dan adalah sukar untuk mereka berkongsi tekanan yang dihadapi dengan ahli keluarga apabila sistem keluarganya tidak berfungsi dengan baik. Selain itu, individu yang tidak mampu berfikir secara positif cenderung untuk mengalami pengherotan kognitif, dan konflik dalam keluarga juga menjadi faktor penyebab tekanan yang membawa kepada pengherotan kognitif yang secara tidak langsung boleh mendorong golongan belia melepaskan geram dengan melakukan pelbagai bentuk salah laku bagi melepaskan tekanan yang mereka hadapi (Salami, 2010).

Oleh kerana kajian lalu lebih membincangkan berkaitan bentuk tingkah laku devian tanpa melihat bentuk pemikiran iaitu pengherotan kognitif yang dialami, maka kajian ini cuba merungkai permasalahan yang wujud yang berkaitan pengherotan kognitif berkenaan dengan berusaha mengenalpasti aspek peribadi belia, iaitu kefungsiian keluarga dan pengherotan kognitif dalam kalangan penuntut IKBN di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti tahap kefungsiian keluarga dan pengherotan kognitif dalam kalangan belia di Malaysia.

Secara khusus lagi, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti hubungan antara kefungsiannya keluarga dan pengherotan kognitif, serta pengaruh kefungsiannya keluarga terhadap pengherotan kognitif dalam kalangan belia di Malaysia.

Tingkah Laku Devian, Pengherotan Kognitif, Dan Penjelasan Teori

Menurut Bandura (1973) individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana pengherotan kognitif yang dialami olehnya sehingga menyebabkannya bertingkah laku sedemikian. Keadaan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan pembentukan tingkah laku manusia yang terhasil daripada interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain (Muhammed Sharif & Suria, 2012).

Bandura (1977) berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor yang membentuk tingkah laku individu, iaitu interaksi kognitif, kelakuan, dan pengaruh persekitaran. Bandura (1977) turut menekankan kepentingan penilaian kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang individu. Maka, pengherotan kognitif yang wujud dalam diri individu yang bertingkah laku devian sesuai dikaitkan dengan Teori *Learned Helplessness* (LH) (Peterson & Seligman; 1984) dan Teori *Hopelessness Depression* (Abramson et al., 1989). Pengherotan kognitif merujuk kepada individu yang gagal mengawal fikirannya seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya, dan berputus asa, seterusnya berkecenderungan untuk bertingkah laku negatif, sehinggakan tingkah lakunya tidak dapat diterima dan dianggap melanggar norma masyarakat (Abela, Becker, & Conningham-Rather, 1984).

Berdasarkan teori LH, individu cenderung merasakan dirinya tidak berdaya apabila pengalaman lalu yang tidak mampu dikawal olehnya membuatkannya berfikir bahawa situasi yang bakal berlaku juga akan menjadi tidak terkawal, di samping semangatnya

berkurang, dan proses pembelajaran serta emosinya turut terganggu. Rasa tidak berdaya ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk tingkah laku (Maier & Seligman, 1976). Antara kesan kognitif yang berlaku hasil dari LH atau ketidakupayaan individu adalah; kemampuan menyelesaikan masalah menurun, wujud rasa kecewa, atau tahap penghargaan diri rendah. Sementara, tahap emosi yang rendah biasanya melibatkan tekanan dan kemurungan sehingga memberi kesan terhadap proses keruntuhan moral dan masalah tingkah laku seperti isu tingkah laku devian yang melibatkan golongan belia dewasa ini (Nor Shafrin & Rohany, 2010).

Teori *Hopelessness* (Abramson et al., 1989) pula menjelaskan berkaitan peristiwa-peristiwa hidup yang memberi tekanan, kemurungan, dan putus asa seperti masalah yang wujud dalam keluarga. Perasaan putus asa ini timbul dari set pemikiran negatif individu akibat kekecewaan yang sering dialami. Abramson et al. (1998) juga telah mengenal pasti bahawa sikap putus asa menjadi penghubung antara kelemahan individu yang mana menyumbang kepada pengherotan kognitif sehingga meningkatkan potensi untuk berhadapan dengan pemikiran dan tingkah laku devian seperti menagih, merempit, dan mencuri. Briere (2000) pula mendakwa bahawa pengherotan kognitif yang dialami oleh individu seperti kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan dan memikirkan sesuatu yang berbahaya akan mempengaruhi keadaan dalaman atau tingkah laku salah suai seseorang individu.

Bandura (1973) pula mendakwa bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh seseorang individu sejak zaman-kanaknya ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan individu akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka. Hal ini disebabkan oleh pengherotan kognitif yang dialami olehnya sehingga menyebabkannya bertingkah laku sedemikian.

Persamaan utama bagi dapatan-dapatan kajian terdahulu ialah kefungsi keluarga merupakan aspek penting dalam membangunkan kognitif dan tingkah laku belia. Hasil-hasil kajian yang diteliti menunjukkan bahawa kefungsi keluarga harus diberi perhatian memandangkan kesan dan pengaruhnya terhadap kognitif dan tingkah laku belia yang amat berguna dalam membantu golongan belia lebih bersedia menghadapi realiti semasa dalam kehidupan.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data bagi meneliti gambaran sebenar mengenai amalan kefungsi keluarga serta tahap pengherotan kognitif dalam kalangan belia di Malaysia, yang terdedah kepada pelbagai masalah tingkah laku dewasa ini. Pendekatan tinjauan keratan rentas digunakan untuk mendapatkan profil responden dan dimensi-dimensi kajian adalah berdasarkan kepada soal selidik yang dijawab oleh responden.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi yang terlibat bagi kajian ini ialah pelajar-pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh Malaysia, yang mana merangkumi 6 zon iaitu zon utara (Perlis), zon timur (Terengganu), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor), Sabah, dan Sarawak. Memandangkan populasi adalah terlalu besar iaitu sebanyak 16,823 orang, maka persampelan secara rawak mudah digunakan. Saiz sampel bagi kajian ini adalah seramai 1200 orang responden yang melibatkan enam zon berkenaan. Setiap zon akan diwakili seramai 200 orang yang dipilih secara rawak.

Instrumen Kajian

Satu set soal selidik telah digunakan untuk mengumpul segala maklumat yang diperlukan bagi kajian ini. Ini bersesuaian dengan pendapat Mc Millan dan Schumacher (1993) di mana penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dapat membantu mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Tuckman dalam Mohd Jaflus Bahari (2004) berpendapat bahawa soal selidik merupakan

cara berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada pemerhatian terhadap tingkah laku.

Secara keseluruhan, instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian merupakan instrumen piawai yang telah dibentuk dan diterima pakai di negara-negara barat. Instrumen ini terbahagi kepada tiga bahagian: (1) Bahagian A: Soal selidik berkaitan maklumat demografi responden (jantina, umur, bangsa, penempatan, kekerapan meluangkan masa, tinggal bersama siapa, taraf pendidikan). (2) Bahagian B: Soal selidik *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III (FACES III)* yang dibangunkan oleh Olson et al. (1983) digunakan bagi mengukur malan kefungsi keluarga yang man merangkumi persepsi ahli keluarga dari aspek kebolehsuaian (*adaptability*) dan kejelekitan (*cohesion*) menggunakan Model Circumplex. (3) Bahagian C: Soal selidik *Cognitive Distortion Scale (CDS)* (Briere, 1997) yang digunapakai oleh Zainah et al. (2013) telah digunakan bagi mengenal pasti ketidakfungsi atau kesan negatif tret personaliti. Soal selidik ini telah menggemparkan bidang klinikal apabila mempunyai skala pengukuran yang pelbagai bagi tingkah laku negatif serta pengherotan kognitif. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS versi 20.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Responden kajian ini melibatkan golongan belia yang terdiri daripada pelajar-pelajar IKBN di seluruh Malaysia, yang mana meliputi 6 buah zon di Malaysia. Seramai 1200 orang sampel yang terlibat telah dipilih secara rawak mengikut zon. Bagi menjamin bilangan soal selidik yang dikembalikan adalah mencukupi bagi tujuan kajian, sebanyak 1500 soal selidik telah diedarkan. Langkah ini berjaya mengatasi masalah keciciran soal selidik, di samping menangani masalah soal selidik rosak.

Jadual 1 menunjukkan pecahan pemboleh ubah kefungsi keluarga mengikut dimensi dan tahap. Secara keseluruhannya, kefungsi keluarga kebanyakan responden didapati

berada pada tahap sederhana iaitu melibatkan seramai 862 orang responden (71.8%), manakala seramai 319 orang (26.6%) berada pada tahap tinggi, dan seramai 19 orang lagi (1.6%) adalah pada tahap rendah. Manakala, bagi dimensi kohesi, didapati kebanyakan responden berada pada tahap tinggi iaitu melibatkan seramai 764 orang responden (63.7%), sementara seramai 430 orang (35.8%) berada pada tahap sederhana, dan seramai 6 orang lagi (0.5%) berada pada tahap

rendah. Bagi skala kebolehsuaian pula, didapati kebanyakan responden berada pada tahap sederhana iaitu melibatkan seramai 935 orang responden (77.9%), manakala seramai 142

orang (11.8%) berada pada tahap rendah, dan seramai 123 orang lagi (10.3%) adalah pada tahap tinggi.

Jadual 1: Pecahan tahap kefungsian keluarga dan dimensi mengikut tahap

Pembolehubah	Tahap	Bilangan	Peratus (%)
Kefungsian Keluarga	Rendah	19	1.6
	Sederhana	862	71.8
	Tinggi	319	26.6
Kohesi	Rendah	6	0.5
	Sederhana	430	35.8
	Tinggi	764	63.7
Kebolehsuaian	Rendah	142	11.8
	Sederhana	935	77.9
	Tinggi	123	10.3

Berdasarkan Jadual 2 iaitu berkaitan aspek pengherotan kognitif mengikut lima dimensi iaitu kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan, dan memikirkan sesuatu yang berbahaya, serta dipecahkan kepada 3 tahap iaitu rendah, sederhana, dan tinggi. Secara keseluruhannya, pengherotan kognitif responden didapati berada di tahap rendah iaitu melibatkan seramai 890 orang (74.2%), manakala bagi tahap sederhana seramai 291 orang (24.2%), dan bagi tahap tinggi melibatkan seramai 19 orang (1.6%). Dimensi kritik diri pula menunjukkan bilangan yang sangat tinggi bagi tahap rendah iaitu sebanyak 916 orang (76.3%), tahap sederhana 262 orang (21.8%), dan tahap tinggi sebanyak 22 orang (1.9%). Seterusnya, dimensi menyalahkan diri menunjukkan bilangan

peratusan sebanyak 63.7% (764 orang) bagi tahap rendah, 33.7% (405 orang) bagi tahap sederhana, dan 2.6% (31 orang) lagi bagi tahap tinggi. Dimensi tidak berdaya pula menunjukkan sebanyak 71.9% (863 orang) berada pada tahap rendah, 26.8% (321 orang) pada tahap sederhana, dan 11.3% lagi (16 orang) pada tahap tinggi. Bagi dimensi tiada harapan, sebanyak 1018 orang (84.8%) berada pada tahap rendah, 154 orang (12.9%) pada tahap sederhana, dan 28 orang lagi (2.3%) pada tahap tinggi. Dimensi memikirkan sesuatu yang berbahaya pula menunjukkan seramai 630 orang (52.5%) berada pada tahap rendah, 529 orang (44.1%) pada tahap sederhana, dan 41 orang lagi (3.4%) berada pada tahap tinggi.

Jadual 2: Pecahan tahap pengherotan kognitif dan dimensi mengikut tahap

Pembolehubah	Tahap	Bilangan	Peratus (%)
Pengherotan Kognitif	Rendah	890	74.2
	Sederhana	291	24.2
	Tinggi	19	1.6
Kritik Diri	Rendah	916	76.3
	Sederhana	262	21.8
	Tinggi	22	1.9
Menyalahkan Diri	Rendah	764	63.7

	Sederhana	405	33.7
	Tinggi	31	2.6
Tidak Berdaya	Rendah	863	71.9
	Sederhana	321	26.8
	Tinggi	16	11.3
Tiada Harapan	Rendah	1018	84.8
	Sederhana	154	12.9
	Tinggi	28	2.3
Memikirkan Sesuatu Yang Berbahaya	Rendah	630	52.5
	Sederhana	529	44.1
	Tinggi	41	3.4

Jadual 3 menunjukkan keputusan korelasi di antara pembolehubah serta dimensi kefungsi keluarga dengan pengherotan kognitif. Dapatan menunjukkan bahawa kefungsi keluarga yang positif berhubung kait dengan

tahap rendah bagi pengherotan kognitif iaitu $r = -0.140^{**}$.

Jadual 3: Korelasi antara kefungsi keluarga dengan pengherotan kognitif

		Kohesi	Kebolehsuaian	Kefungsi Keluarga	Pengherotan Kognitif
Kohesi	Pearson	1	.548**	.868**	-.221**
	Correlation		.000	.000	.000
	Sig. (2-tailed)				
Kebolehsuaian	Pearson	.548**	1	.891**	-.035
	Correlation	.000		.000	.231
	Sig. (2-tailed)				
Kefungsi Keluarga	Pearson	.868**	.891**	1	-.140**
	Correlation	.000	.000		.000
	Sig. (2-tailed)				
Pengherotan Kognitif	Pearson	-.221**	-.035	-.140**	1
	Correlation	.000	.231	.000	
	Sig. (2-tailed)				

** $p < .05$

Secara umumnya, keputusan ujian korelasi dalam Jadual 3 mendapati wujud hubungan yang signifikan dan negatif di antara kefungsi keluarga dengan pengherotan kognitif ($r = -.140$; $p < .05$). Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa dimensi kohesi turut menunjukkan hubungan yang signifikan

dengan pengherotan kognitif dalam kalangan belia yang menuntut di IKBN seluruh Malaysia ($r = -.221$; $p < .05$). Manakala, dimensi kebolehsuaian tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pengherotan kognitif secara umumnya ($r = -.035$; $p > .05$).

Jadual 4: Pengaruh Kefungsi Keluarga terhadap Pengherotan Kognitif

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.140 ^a	.020	.019	.62947
2	.221 ^a	.049	.048	.62010

a.Predictors: (Constant), Kefungsi Keluarga

b.Predictors: (Constant), Kohesi

c.Dependent Variable: Pengherotan Kognitif

Hasil analisis regresi dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya,

kefungsi keluarga memberi pengaruh yang signifikan kepada pengherotan kognitif ($\beta = .140$, $p < .05$), sekaligus menjadikan kefungsi keluarga memberi pengaruh

sebanyak 2% kepada varians pengherotan kognitif. Dimensi kohesi juga dilihat turut memberi pengaruh yang signifikan kepada pengherotan kognitif ($\beta = .221$, $p < .05$), sekaligus menjadikan dimensi kohesi memberi pengaruh sebanyak 5% kepada varians pengherotan kognitif.

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini menunjukkan wujud hubungan di antara kefungsi keluarga dengan pengherotan kognitif. Ini secara tidak langsung menyokong dapatan kebanyakan kajian sebelumnya (Badruzaman & Azizi, 2006; Joh et al., 2013; Zainah et al., 2013) bahawa wujud hubungan antara keduanya. Misalnya, Joh et al. (2013) telah menjalankan kajian ke atas 398 orang pelajar sekolah menengah bagi melihat hubungan kebolehsuaian, kohesi, dan masalah tingkah laku pelajar, khususnya dalam menguji ketekalan hipotesisnya dengan menggunakan alat ujian FACES III, dan kajiannya mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kefungsi keluarga yang baik kurang terlibat dengan masalah pengherotan kognitif. Kajian ini telah membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara kefungsi keluarga pelajar dengan masalah pengherotan kognitif pelajar, sekaligus menyokong penggunaan teori model circumplex dalam usaha meninjau permasalahan yang berkait dengan kefungsi keluarga.

Kajian ini juga mendapati wujudnya pengaruh kefungsi keluarga terhadap pengherotan kognitif dalam kalangan responden. Ini secara tidak langsung menyokong dakwaan Hoffman dan Johnson (1998) bahawa keluarga membentuk personaliti individu sejak kecil dan seterusnya memberikan pengaruh yang amat besar kepada sikap dan pemikiran seseorang ketika di alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat juga telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik mempengaruhi kesejahteraan hidup individu termasuklah dalam mempengaruhi tahap pengherotan kognitif dan tingkah laku dalam kalangan belia (Joh et al., 2013; Roselina, 2006; Zainah et al., 2013). Misalnya, kajian Zainah et al. (2013) ke atas bekas penagih dadah di Pontian, Sungai Besi, dan Kota Bahru mendapati bahawa dimensi kohesi

dan kebolehsuaian memberi pengaruh yang besar dalam mengurangkan masalah pengherotan kognitif respondennya.

Maka, secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyamai Indeks Belia Malaysia 2015 yang mendapati majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang jelas tentang kepentingan membentuk kognitif dan tingkah laku yang tidak bertentangan dengan norma masyarakat. Kajian ini juga telah mengenal pasti bahawa secara umumnya, majoriti belia di Malaysia berupaya mengawal diri daripada terjerumus kepada pengherotan kognitif. Selain itu, hubungan belia dengan keluarga mereka juga secara umumnya dilihat berada pada tahap yang sangat memuaskan.

PENUTUP

Bagi membantu golongan belia agar tidak terus terjebak dengan masalah pengherotan kognitif ini, semua pihak institusi pendidikan, keluarga, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, media massa, dan masyarakat perlu menanamkan kesedaran, seterusnya memainkan peranan masing-masing dalam memberi kesedaran terhadap aspek kefungsi keluarga yang baik dalam mencegah masalah pengherotan kognitif. Program serta usaha yang *integrated* atau bersepadu perlu ada untuk setiap individu dan pihak terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses pencegahan dan pemulihan belia yang terlibat dengan pengherotan kognitif sehingga terjebak dengan pelbagai masalah tingkah laku. Misalnya, dengan pelaksanaan aktiviti dan program kesedaran belia yang bermanfaat, menjalinkan hubungan positif dengan belia yang bertingkah laku devian, penambahbaikan silibus kursus pra-perkahwinan dan kekeluargaan, memasukkan unsur-unsur kefungsi keluarga ke dalam silibus pendidikan, dan lain-lain lagi. Melalui kajian ini juga, didapati belia yang mempunyai kefungsi keluarga yang baik kurang terjebak dengan masalah pengherotan kognitif. Maka, keluarga perlu memainkan peranan yang lebih agar individu terhindar daripada pengherotan kognitif. Pembentukan keluarga yang sejahtera secara tidak langsung dapat membantu belia berusaha dengan gigih untuk membina potensi dan kekuatan diri, seterusnya menjadi belia yang produktif seta berguna kepada negara, dan akhirnya dapat

menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan.

RUJUKAN

- Amoateng and Richter. (2007). Chapter 1: Social and economic of families and households in South Africa. Dlm. A. Y. Amoateng, & T. B. Heaton (Eds.). *Families and households in post-apartheid South Africa: Socio-demographic perspectives* (pp.1-25). Cape Town: HSRC Press.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, & Norul Huda Bakar. (2015). Krisis akhlak: penguatkuasaan undang-undang sebagai benteng menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2(1): 1-18.
- Badruzaman Baharom & Azizi Yahya. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di Daerah Pontian, Johor. UTM: Fakulti Pendidikan.
- Barnett, M. (2004). A Qualitative Analysis of Family Support and Interaction Among African American College Students at an Ivy League University. *Journal of Negro Education. Washinton..* 1-16. DC: Howard.
- Brian Abraham Rogi. (2015). Peranan komunikasi keluarga dalam menanggulangi kenakalan remaja di Kelurahan Tataaran 1 Kecamatan Tondano Selatan. *E-Journal Acta Diurna*, 4(4): 1-8.
- Briere, J. (2000). *The Cognitive Distortions Scales professional manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Fauziah, I., A. Khadijah, M. A. Noremy, N. Samon, & Z. M. Lukman. (2012). The role of family towards current adolescence challenges: Drug prevention and living without drugs. *Social Sci.*, 7, 341-345.
- Hoffman, J. P. & Johnson, R. A. (1998). A national portrait of family structure and adolescent drug use. *Journal of Marriage and the Family*, 60(3):633-45.
- Indeks Belia Malaysia: Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia. (2015). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Joh, J. Y., Kim, S., Park, J. L., & Kim, Y. P. (2013). Relationship between family adaptability, cohesion and adolescent problem behaviors: curvilinearity of circumplex model. *Korean J Fam Med.*, 34(3): 169-177.
- Leahy, R. L. (1996). *Cognitive Therapy: Basic Principles and Applications*. USA: Jason Aronson Publishing Co.
- Olson, D.H. (1993). *Circumplex Model of Marital and Family Systems*. In F. Wals (Ed.), *Normal Family Processes*. (2nd ed.). New York: Guilford Press.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in Society*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Roselina Hj Yusuf. (2006). *Merintis Dedenai Pulang*. Monograf Perjalanan Kepulangan Bekas Penagih 1, Selangor: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Salami, S. O. (2010). Emotional Intelligence, Psychological Well-Being and Students Attitudes: Implications for Quality Education. *European Journal of Educational Studies*, 2(3), 1946-1963.
- Samsiah Mohd Jais, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, & Noraini Ismail. (2015). Kesan Modul Latihan Kaunseling Kesihatan Mental dan Trauma Terhadap Kecekapan Amalan Kaunseling Dalam Kalangan Kaunselor Di Malaysia: UPSI. Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resiliensi dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.